

Mansuh PKPB tuntutan rakyat komited amal normal baharu

Trend kes baharu COVID-19 di negara kita menunjukkan penurunan dan diharapkan terus berkurangan kepada satu angka dan mencapai tahap sifar.

Dari sudut ilmu kesihatan awam, untuk memastikan keberkesanan kawalan penyakit berjangkit, kita perlu menunggu sehingga dua tempoh inkubasi sebelum boleh mengisytiharkan sesuatu keadaan atau lokasi itu bebas daripada wabak.

Bagi COVID-19 tempoh inkubasi 14 hari. Ini bermakna wabak COVID-19 ini hanya boleh diisytiharkan berakhir sekiranya tiada kes baharu dilaporkan sepanjang 28 hari selepas kes terakhir direkodkan.

Realitinya tidak semudah digambarkan. Kita menghadapi situasi pandemik yang mula menunjukkan implikasi, terutama terhadap sosioekonomi pada peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Bagaimanapun, kita harus akur kesihatan dan keselamatan awam perlu diutamakan. Apalah gunanya jika rakyat kembali bekerja, sektor ekonomi hidup semula dan rakyat bebas bergerak ke mana-mana, tetapi ia hanya sementara kerana virus COVID-19 boleh menular semula.

Walaupun Malaysia kelihatan hampir sampai ke penghujung wabak, pakar kesihatan amat bimbang jika berlaku gelombang baharu jika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditarik balik secara tergesa-gesa.

Penarikan balik PKPB perlu dilakukan berpandukan enam



Penjarakan sosial dan pemeriksaan suhu badan antara normal baharu yang perlu jadi amalan seluruh rakyat bagi memastikan penularan COVID-19 dapat dibendung. (Foto Bernama)

syarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pertama, sesebuah negara dapat memastikan penyebaran penyakit dalam keadaan terkawal dan terdapat sistem kesihatan yang berupaya mengesan, menguji, mengasingkan serta merawat setiap kes dan mengesan setiap kontak.

Selain itu, risiko titik panas diminimumkan seperti pusat jagaan serta wujud langkah pencegahan di lokasi penting seperti sekolah dan tempat kerja.

Seterusnya, risiko kemasukan kes import dapat ditangani dan syarat terakhir adalah masyarakat terdidik sepenuhnya mengenai kaedah pengawalan dan pencegahan jangkitan serta bersedia menjalani kehidupan dalam keadaan normal yang baharu.

Enam syarat WHO perlu di-

teliti dan disesuaikan dengan konteks Malaysia dalam menghasilkan prosedur operasi standard (SOP) penarikan balik PKPB.

Kementerian Kesihatan beserta pakar perubatan kesihatan awam dan pakar perubatan penyakit berjangkit di negara ini perlu menganalisis situasi dan melihat unjuran secara holistik bersekali realiti sosioekonomi serta tingkah laku masyarakat.

Hasil analisis perlu dibincang bersama pihak berkepentingan lain. Seterusnya, semua pihak terlibat perlu bersama-sama merangka strategi penarikan balik PKPB selepas melaksanakan penilaian risiko dan penyenaraian keutamaan.

Masyarakat perlu menjadikan penjarakan sosial, amalan etika

batuk dan bersin serta kerap mencuci tangan sebagai satu kebiasaan. Pihak pengurusan dan majikan pula perlu menyediakan kelengkapan untuk membolehkan amalan berkenaan dipraktikkan di tempat kerja.

Di masjid, surau, gereja dan tempat ibadah lain pula, pihak pengurusan perlu memastikan kemudahan mencuci tangan yang lengkap atau pembersih tangan diletakkan di tempat sesuai.

Bagi sekolah pula, pihak pengurusan perlu kreatif memastikan penjarakan sosial diamalkan setiap masa. Keutamaan diberi kepada kawasan tumpuan pelajar seperti kantin, tapak perhimpunan serta kelas.

Untuk pekerja dan masyarakat amnya, beberapa mekanisme perlu diwujudkan bagi mengelakkan kesesakan di dalam pengangkutan awam, terutama ketika pergi dan pulang dari bekerja. Perlu ada tatacara untuk memastikan penjarakan sosial dan pengekalan kebersihan di dalamnya.

Pemansuhan PKPB ditunggu masyarakat. Namun, persediaan yang sempurna dan menyeluruh perlu dilakukan kerajaan, majikan dan pihak pengurusan, manakala masyarakat perlu turut bersedia mengamalkan normal baharu dalam kehidupan seharian bagi memastikan penyebaran jangkitan COVID-19 tidak berulang.

Dr Aidalina Mahmud,
Universiti Putra Malaysia